

ms 78

LIGA JUARA-JUARA ASIA

Kashima berpeluh jindak JDT

🏆 Juara Liga Super tewas 1-2 dalam saingan sengit di Ibaraki, Jepun

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penyandang juara, Kashima Antlers mungkin sama sekali tidak menjangka mereka hanya mampu menang 2-1 ke atas 'budak baharu,' Johor Darul Ta'zim (JDT) pada aksi pembukaan Kumpulan E saingan Liga Juara-Juara Asia (ACL) di Stadium Kashima, Ibaraki, Jepun, semalam.

Dengan kelebihan beraksi di laman sendiri dan status sebagai juara bertahan, skuad bimbingan Go Oiwa menjadi pilihan memenangi perlawanan itu namun selepas mendahului dua gol dan mensia-siakan banyak peluang, kebangkitan lewat permainan yang dijelmakan JDT nyaris membuatkan tuan rumah kecikiran mata.

Meskipun tewas, pujian harus diberikan kepada JDT yang tidak gugup pada penampilan sulung di pentas ACL apabila mereka enggan memberi laluan mudah kepada penyandang juara itu di tempat sendiri.

Malah, ia juga mungkin memberi petanda positif kepada skuad bimbingan Benjamin Mora di mana mereka dilihat



Pemain JDT, Diogo diasak benteng Kashima Antlers pada aksi di Stadium Kashima.

mampu memberi saingan ketika bertemu pasukan lebih berpengalaman di pentas ACL.

Selepas ini, skuad Harimau Selatan itu akan meneruskan pemburuan tiga mata pertama bertemu Gyeongnam FC dan kali ini, aksi akan berlangsung di laman sendiri pada 12 Mac.

Pada aksi terbabit, JDT nyaris dihukum seawal minit ke-15 apabila Farizal Marlias melakukan kekasaran ke atas Serginho, namun dia menebus kesilapannya apabila dapat meneka sepakan penalti Serginho dengan tepat dan berjaya menafikan hasrat tuan rumah untuk beroleh gol pembukaan.

Selepas bertahan dengan baik selepas 43 minit dan mengancam gawang lawan menerusi beberapa

siri sepakan percuma, gawang pelawat akhirnya bolos apabila hantaran lintang Taiki Hirato yang melantun di dalam kotak penalti dibantu dengan gerakan pemain Kashima Antlers mengelirukan Farizal sekali gus membolehkan berada di depan dengan 1-0.

Farizal cemerlang

Bersambung babak kedua, Kashima Antlers terus menekan 'gear' dan mengasak kubu JDT, namun Farizal bertindak cemerlang menyelamatkan dua percubaan berturut-turut daripada tuan rumah untuk menafikan peluang memperoleh gol kedua perlawanan pada minit ke-46.

Kashima Antlers seharusnya memanfaatkan kesilapan yang dilakukan Adam Norazlin pada

minit ke-55, namun Serginho yang lambat untuk melakukan percubaan terlebih dahulu berjaya dihalang Adam ketika dia sudahpun berada dalam situasi satu lawan satu.

Seminit berselang, Serginho yang beberapa kali terlepas peluang akhirnya mencetak nama selaku penjaring apabila percubaan jauh menerjah gawang JDT sekali gus membolehkan mereka melebarkan jurang kepada 2-0.

Ketika permainan berbaki 10 minit, Kashima Antlers dikejutkan JDT apabila hantaran Hariss Harun disambut Diogo Santo yang kemudiannya melakukan rembatan menewaskan Kwoun Sun Tae untuk gol pertama JDT di pentas berprestij itu.